

I

*Hakikat sesuatu perkara memang ada dan tetap ada. Pengetahuan tentang hakikat sebenar sesuatu ialah sesuatu yang boleh dicerap dan disahkan.*

Semalam mereka berbicara tentang alegori gua oleh Plato berkenaan manusia yang terperangkap dalam gua, hanya mampu mencerap bayang-bayang. Setelah itu mereka berbicara tentang Sartre yang mendatangkan tiga watak yang terperangkap dalam bilik selamanya, menghadapi kewujudan mereka sendiri dan sifat kemanusiaan insan yang sebenarnya. Sejenak kemudian, mereka meminjam bicara Attar yang menceritakan tentang perjalanan burung-burung bertemu dengan Simugh; perjalanan insan kembali kepada Tuhan. Hari ini kamu mula berbicara tentang alegori anjing yang terperangkap dalam cerita-cerita yang terpisah. Alegori ini lebih mudah dihadam dan difahami dalam dunia serba cepat yang tidak menyempatkan manusia berfikir terlalu dalam, melalui cerita yang terbentang dengan watak yang bukan anjing – hanya watak biasa dalam hiruk-pikuk kota.

II

*Hakikat sesuatu perkara memang ada dan tetap ada. Pengetahuan tentang hakikat sebenar sesuatu ialah sesuatu yang boleh dicerap dan disahkan sehingga keadaan hati harus diselaraskan dengan hakikat itu, bukan sebaliknya.*

Ia menyelak halaman akhbar satu persatu. Setiap tajuk berita terasa membosankan sehingga ia tidak terasa ingin membacanya. Kadangkala ia terasa dirinya seperti anjing yang ingin melahap makanan yang tersisa di tengah-tengah timbunan sampah melalui pembacaan akhbar. Kadangkala pula ia terasa dirinya sengaja dijadikan anjing yang menyungkah tajuk-tajuk berita di dada akhbar. Dalam dunia penuh dengan hiperteks, ia diumpan bagi anjing yang mengejar makanan yang entah apa.